

**WIRA LEBUHRAYA KETIKA COVID-19:
PERONDA LEBUHRAYA, PLUSRONDA SAMBUT ULANG TAHUN KE-30
TERUS KOMITED MEMASTIKAN KESELAMATAN PELANGGAN**

Petaling Jaya, 31hb Mac 2020:- Perkhidmatan peronda lebuh raya PLUS Malaysia Berhad (PLUS), PLUSRonda menyambut ulang tahun ke-30 sejak pasukan ini diperkenalkan pada 1 April 1990.

Objektif penubuhannya tetap sama sehingga kini iaitu membantu para pelanggan lebuh raya yang menghadapi masalah ketika berada di lebuh raya. Sama ada mengalami tayar pancit, kenderaan rosak, masalah bateri mahupun terlibat dalam kemalangan, anggota PLUSRonda sentiasa bersedia memberikan pertolongan kepada pelanggan di lebuh raya.

“PLUSRonda merupakan kumpulan barisan hadapan yang ikonik di lebuhraya kami. Lebih bermakna lagi, tatkala negara sedang berusaha memerangi penularan wabak Covid-19, ulang tahun ke-30 penubuhan PLUSRonda pada 1 April 2020 adalah untuk memperingati matlamat penubuhan dan pengorbanan yang telah mereka curahkan. Ketika kakitangan PLUS mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), anggota PLUSRonda kami tetap bertugas dan mengadakan rondaan di lebuh raya untuk memastikan bantuan disampaikan kepada pelanggan mengikut masa yang ditetapkan,” jelas Datuk Azman Ismail, Pengarah Urusan PLUS.

“Kami juga menyedari cabaran serta risiko yang dihadapi oleh barisan hadapan kami. Oleh itu pihak PLUS telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membendung penularan wabak Covid-19 di kalangan kakitangan kami. Ini bagi memastikan segala aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan mereka diberi keutamaan dan diberi perhatian khusus supaya mereka dapat terus menjalankan tugas tanpa perlu rasa takut dan bimbang,” tambah Datuk Azman.

Pada 1 April 1990, seramai 10 anggota telah menyertai PLUSRonda, menjadikan mereka pelopor kepada perkhidmatan ini. Pada tahun yang sama, jumlah tersebut telah meningkat kepada 20 orang. Di antaranya ialah Zainal Abidin Lazim (54 tahun) yang merupakan salah seorang anggota pelopor PLUSRonda yang masih lagi bersama PLUS sejak 30 tahun lalu, yang kini bertugas di lebuhraya berhampiran Tangkak, Johor. Beberapa anggota yang lain telah pun bersara, manakala 4 anggota pelopor lain kini berkhidmat di Jabatan Keselamatan Trafik PLUS.

“Kami sangat berbangga dengan anggota PLUSRonda kami. Mereka adalah wira-wira yang berani dan sentiasa komited dalam melaksanakan tugas mereka dengan baik demi keselamatan dan keselesaan semua pelanggan di sepanjang lebuh raya, tanpa mengira siang ataupun malam. Semangat mereka yang tidak pernah luntur dan tidak mengenal penat-lelah memberi keyakinan kepada pelanggan di saat mereka mengalami kesukaran ketika berada di lebuh raya PLUS atau LPT2,” kata Zakaria Ahmad Zabidi, Ketua Pegawai Operasi PLUS.

“Selain menjalankan kerja-kerja menyelamat ketika berlakunya kemalangan atau membantu pelanggan yang terkandas, ramai yang mungkin tidak mengetahui bahawa anggota PLUSRonda kami juga turut berjaya membantu pelanggan lebuhraya melahirkan bayi ketika berada di dalam situasi kecemasan di lebuhraya. Latihan yang dilalui oleh anggota PLUSRonda meliputi aspek teknikal hinggalah ke bantuan kecemasan bagi membolehkan mereka mengaplikasikannya ketika berdepan dengan pelbagai situasi ketika bertugas,” jelas Zakaria.

Pada ketika ini, terdapat 574 orang anggota PLUSRonda di sepanjang lebuhraya PLUS dan LPT2. Di dalam keseluruhan ekosistem lebuhraya PLUS, terdapat 4 buah wilayah, termasuk di Pantai Timur. Setiap wilayah terbahagi kepada 6 hingga 7 seksyen, dan setiap seksyen dilengkapi dengan kenderaan-kenderaan peronda yang dikendalikan oleh sepasukan 2 anggota PLUSRonda. Sebelum PKP dilaksanakan, PLUSRonda ditugaskan untuk meronda lebuhraya berdasarkan format rondaan dan perlu tiba memberi bantuan (bergantung sekiranya terdapat beberapa kejadian yang berlaku serentak) dalam masa 30 minit atau lebih singkat daripada itu.

“Saya menjadi anggota PLUSRonda kerana ingin membantu orang ramai. Saya berasa gembira kerana dapat memastikan pelanggan yang berada di lebuhraya selamat ketika saya meronda bersama rakan setugas. Saya lebih bersemangat apabila dapat membantu pelanggan ketika mereka menghadapi kesukaran di lebuhraya. Kerjaya sebagai anggota PLUSRonda juga merupakan kerjaya yang stabil untuk membolehkan saya menyara keluarga,” kata Zainal Abidin Lazim.

“Saya berasa bangga kerana PLUS adalah sebuah syarikat yang sangat komited dalam memastikan keselamatan di lebuhraya. Kehadiran pasukan PLUSRonda adalah amat penting bagi memastikan keselamatan pelanggan lebuhraya terus diberi keutamaan. Namun begitu, keselamatan juga mestilah menjadi tanggungjawab bersama,” jelas Zainal.

Malaysia merupakan Negara yang menghargai pengorbanan kakitangan barisan hadapannya apabila ia baru sahaja meraikan ulang tahun ke-213 pasukan Polis dan tidak lama lagi bakal meraikan anggota Angkatan Tentera. Oleh itu, adalah bertepatan untuk kita sama-sama meraikan Wira Lebuhraya PLUS dan memberikan pengiktirafan kepada mereka yang memakai seragam biru ini pada 1 April 2020 atas dedikasi, keberanian dan pengorbanan mereka.

-TAMAT-

**COVID-19 HIGHWAY HEROES:
PLUSRONDA HIGHWAY PATROL CELEBRATES 30 YEARS OF
COMMITMENT OF KEEPING HIGHWAY CUSTOMERS SAFE**

Petaling Jaya, 31st March 2020:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) value added highway patrol service, PLUSRonda, was established on 1st April 1990, 30 years ago.

The objective remains till today and that is to ensure that the highway customers who encounter difficulties during their travels. Be it a tyre puncture, stalled vehicle due to a flat battery or even in the most perilous traffic crashes, the PLUSRonda is present at the scene without fail.

“The PLUSRonda is one of the most iconic frontliners on PLUS highways. It is somehow even more meaningful that in the midst of the Covid-19 adversity, the 30th Anniversary of PLUSRonda on 1st April 2020 is celebrated in remembrance of their purpose and sacrifices. While PLUS employees adhere to the Movement Control Order (MCO), many of our PLUSRonda are on-call, while a patrolling schedule has been implemented to maintain the necessary response period in view of the lower traffic count,” explains Datuk Azman Ismail, Managing Director of PLUS.

“We are very cognizant of the hazards that our frontliners are exposed to, which is why we have pulled out all the stops to ensure that every aspect of health, safety and security for them are provided for, so they may continue to execute their duties without fear or worries,” added Datuk Azman.

On 1st April 1990, 10 men joined the PLUSRonda outfit, becoming the first batch of pioneers and within the same year the unit doubled to 20. One of the pioneering PLUSRonda officer, Zainal Abidin bin Lazim (54), is still on active duty today. He is based in Tangkak, Johor. A number of his pioneering comrades has retired, while four continue to serve PLUS in the Traffic Safety Department.

“We are proud of our PLUSRonda, they are brave men who have only a single intention and that is to do their best for the safety and comfort of everyone who journeys along our highways, day and night. Their tireless conviction makes them a welcome sight when one is in distress along the NSE or LPT2,” said Zakaria Ahmad Zabidi, PLUS Chief Operating Officer.

“Many do not know that apart from saving lives at crash sites or attending to breakdowns, our PLUSRonda have also delivered babies in a number of emergency cases on the highway. Their training ranges from the technical to the medical aspects to enable their life saving skills to be called upon when the situation arises,” added Zakaria.

There are 574 PLUSRonda officers throughout the entire NSE and LPT2 highways. In the entire eco-system, there are 4 regions in total, including the East Coast. Each region has between 6 to 7 sections, and each section has a fleet of PLUSRonda patrol vehicles, and per vehicle consists of a pair of patrolmen. Prior to the MCO, the PLUSRonda patrols in looping format and will be at the scene of any traffic incident (depending if there are multiple incidences) within 30 minutes or less.

“My reason for becoming a PLUSRonda patrolman is to help others in any small way that I can. I am happy knowing our highway customers can travel safer when my partner and I are patrolling. The idea that I can help those in distress keeps me going. Being a PLUSRonda also offers me job security too,” said Zainal Abidin Lazim, PLUSRonda pioneer.

“I am proud that PLUS as an organisation is fully committed to safety. No doubt we are the last line of defence, safety on the roads are primarily in the hands of each of our highway customers,” explains Zainal.

Malaysia is truly a Nation which appreciates the sacrifices of its frontliners, when it recently celebrated the 213th anniversary of the Police force and soon it will honour the Men in the Armed Forces. Therefore, it is befitting that PLUS Highway Heroes in blue, we know as PLUSRonda are duly recognised for their valor and sacrifices on this day 1st April 2020.

-END-